

# UNISSA DIIKTIRAF BERTARAF 4 BINTANG 'PLUS'

**Siaran Akhbar dan Infografik :** Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**GADONG,** Sabtu, 4 September. - Berdasarkan sistem penilaian University Performance Metrics (UPM) yang diterajui oleh Viet Nam National University dengan kerjasama ASEAN University Network (AUN), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mendapat pengiktirafan sebagai sebuah institusi bertaraf empat bintang plus dalam kategori universiti gunaan (*applied university*).

Dalam Edisi UPM 2021, UNISSA memperoleh lima bintang dalam kategori penyelidikan. Di samping itu, UNISSA juga memperoleh empat bintang dalam enam daripada lapan kategori penilaian, iaitu urus tadbir strategik, pendidikan, ekosistem inovasi, infrastruktur teknologi maklumat, pengantarabangsaan dan khidmat masyarakat.

Penarafan ini menunjukkan, bahawa sebagai sebuah institusi tinggi Islam tulen, UNISSA juga mampu mencapai pengiktirafan antarabangsa dan terus maju ke hadapan, khususnya dalam menangani cabaran era Revolusi Industri 4.0.

Rektor UNISSA, Dr. Haji

Norfaran bin Haji Zainal berkata bahawa pencapaian ini merupakan langkah permulaan yang baik bagi UNISSA untuk terus maju ke hadapan sebagai sebuah universiti bertaraf antarabangsa yang menyediakan program pengajaran, penyelidikan dan pembinaan insan melalui kaedah-kaedah holistik, bertechnologi terkini selaras dengan perkembangan dunia juga mempertingkatkan lagi usaha mencapai pengiktirafan yang lebih tinggi di masa akan datang.

Tambahnya lagi, pengiktirafan ini menunjukkan, bahawa universiti Islam juga mempunyai kelebihan dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Hasil daripada penilaian terhadap 52 petunjuk dalam lapan kategori, penyelidikan merupakan kategori yang memperoleh mata tinggi dengan mendapat 182 mata dan lima bintang. Ini menunjukkan UNISSA juga mampu bergiat aktif dalam menghasilkan penyelidikan yang berkualiti tinggi sama seperti universiti-universiti lain.

Kecemerlangan UNISSA dalam kategori pendidikan juga turut membanggakan dengan

memperoleh 249.5 mata. Dalam kategori tersebut, UNISSA memperoleh lima bintang dalam lapan daripada 15 petunjuk. Antaranya ialah kualiti dan reputasi fakulti, saiz pendidikan lepas ijazah, pembangunan program teknologi baharu dan kepuasan pelajar serta majikan terhadap pengajaran.

Menurut laporan UPM, UNISSA mendapat mata penuh dan lima bintang dalam beberapa petunjuk dalam kategori pengantarabangsaan, terutamanya dalam menyediakan program-program yang menggunakan

kan bahasa asing, seperti bahasa Arab dan Inggeris, sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan.

Ini menunjukkan, bahawa UNISSA mampu menyerlahkan kekuatannya dan komitmen

berterusan dalam menyediakan program-program berkualiti yang mampu menarik minat pelajar antarabangsa, selaras dengan visi UNISSA untuk menjadi hab pengajian tinggi Islam serantau.

■ **UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mendapat pengiktirafan sebagai sebuah institusi bertaraf empat bintang plus dalam kategori universiti gunaan (*applied university*).**

■ **DALAM Edisi UPM 2021, UNISSA memperoleh lima bintang dalam kategori penyelidikan. Di samping itu, UNISSA juga memperoleh empat bintang dalam enam daripada lapan kategori penilaian, iaitu urus tadbir strategik, pendidikan, ekosistem inovasi, infrastruktur teknologi maklumat, pengantarabangsaan dan khidmat masyarakat.**



**Muat turun maklumat lanjut:**



SCAN ME

Garis panduan bagi menjalani kuarantin atau pengasingan diri di tempat kediaman sendiri

## Literasi kewangan terus diutamakan semasa pandemik COVID-19

### >> Muka 2

Walaupun negara anggota ASEAN mempunyai tahap pembangunan kewangan dan ekonomi yang berbeza, saya percaya, ini adalah salah satu kekuatan ASEAN. Ini sesuai dengan tema ASEAN tahun ini 'We Care, We Prepare, We Prosper'. Dengan kepelbagaiannya ASEAN, kita dapat mempelajari lebih banyak cabaran yang dihadapi oleh setiap negara dan memahami kejayaan yang dicapai melalui pengalaman unik mereka. Kita dapat bekerjasama dalam mengembangkan strategi untuk meningkatkan kemakmuran ASEAN secara keseluruhan.

Di NBD, literasi kewangan dilihat sebagai komponen penting untuk mencapai Wawasan Brunei 2035. Menyedari akan isu-isu bagi meningkatkan celik kewangan, pendekatan pelbagai agensi secara holistik diperlukan untuk mencapai hasil yang luas. Pada tahun 2017, Majlis Literasi Kewangan Kebangsaan telah ditubuhkan, di mana para ahli adalah terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta, yang berkaitan dari

pelbagai industri kewangan. Dengan hanya menjalankan inisiatif celik kewangan tidak mencukupi kerana pemantauan dan penilaian inisiatif seperti itu juga diperlukan. Oleh itu, Majlis Literasi Kewangan Kebangsaan telah melaksanakan rangka kerja untuk mengukur dan menganalisis kejayaan inisiatif celik kewangan, yang akan membolehkan majlis berkenaan memahami dengan lebih baik faktor kejayaan utama dan memberikan cadangan penambahbaikan untuk merapatkan jurang.

Majlis Literasi Kewangan Kebangsaan juga mengakui, bahawa adalah penting bagi pendidikan kewangan bermula dari usia awal. Pada April 2021, Rangka Kerja Kompetensi Literasi Kewangan Brunei Darussalam bagi pelajar sekolah rendah ditubuhkan, yang mengandungi tema kewangan yang berbeza, selain mengenal pasti set pengetahuan, kemahiran, sikap, motivasi, dan tingkah laku yang diperlukan pada kumpulan umur yang berbeza.

Sementara itu, Majlis Literasi Kewangan Kebangsaan juga berusaha melancarkan laman sesawang celik kewangan, yang

menempatkan semua maklumat dan nasihat kewangan yang relevan, disesuaikan dengan konteks NBD untuk jangkauan yang lebih besar kepada orang ramai.

BDCB juga memainkan peranan penting dalam melengkapkan inisiatif celik kewangan di negara ini, di mana dipandu oleh Pelan Pembangunan Sektor Kewangan Brunei Darussalam (FSBP) 2016 - 2025, BDCB mengenal pasti peluang dalam usaha mengembangkan sektor perkhidmatan kewangan sebagai penyokong pertumbuhan ekonomi.

Di sebalik usaha-usaha meningkatkan celik kewangan di ASEAN, kita juga perlu selalu berwaspada terhadap kemungkinan cabaran yang akan datang. Dengan perkembangan kewangan dan teknologi yang pesat, kita perlu cepat dalam menyesuaikan diri dengan perubahan tersebut. Kita juga harus sentiasa peka dengan bidang-bidang yang baru muncul, contohnya, kelestarian kewangan kerana lebih banyak negara anggota ASEAN menumpukan perhatian untuk

membina pasca COVID-19 yang lebih baik; yang bermaksud sektor kewangan yang berorientasikan lebih kehijauan dan lestari. Oleh itu, kita tidak boleh terus berpuas hati, dan terus cepat menanggapi segala peluang dan risiko yang mungkin timbul.

Selanjutnya, kita harus ingat walaupun inisiatif dan program celik kewangan perlu dijalankan untuk meningkatkan literasi kewangan, namun ia masih belum mencukupi. Persekitaran kewangan juga mestilah kondusif untuk mendorong tingkah laku kewangan yang positif. Sebagai contoh, adalah penting bahawa penyedia perkhidmatan kewangan untuk lebih proaktif dalam memastikan produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan di pasaran memenuhi keperluan kumpulan yang berbeza, dan tiada kumpulan yang ketinggalan.

Akhirnya, peranan pihak kerajaan dan swasta tidak dapat dielakkan. Kolaborasi yang rapat dan berkesan diperlukan untuk memastikan celik kewangan mencapai semua kumpulan sasaran. Sektor swasta juga harus berhati-hati ketika menjalani

inisiatif celik kewangan mereka, bahawa jurang di antara mempromosi celik kewangan dan memasarkan produk juga perkhidmatan kewangan mereka harus jelas.

Kejahanan tentang kewangan memberi kesan kepada ekonomi dan memudaratkan individu, isi rumah dan perniagaan. Mereka yang celik kewangan akan dapat merancang dengan lebih berkesan, memanfaatkan perkhidmatan kewangan dan lebih berdaya tahan dalam menghadapi krisis. Tumpuannya adalah untuk memastikan bahawa kita melengkapkan orang kita, perniagaan kita, dan ASEAN untuk berjaya.

Saya berharap perbincangan panel hari ini memberi banyak pandangan mengenai perkembangan FinTech dan celik kewangan; dan melengkapkan diri dengan lebih baik untuk menghadapi sebarang cabaran pada masa hadapan.

Selamat maju jaya dan terima kasih.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'alaa Wabarakatuh.*